SEKSYEN 1

Perspektif Keseluruhan Dasar Fiskal

3 PERSPEKTIF KESELURUHAN

3 KONSOLIDASI KE ARAH DAYA TAHAN – MEMBINA RUANG FISKAL UNTUK KEPENTINGAN MASA HADAPAN

5 KEDUDUKAN FISKAL 2026

7 TINJAUAN 2027

8 RANGKA KERJA FISKAL JANGKA SEDERHANA 2027 – 2029

9 KESIMPULAN

SEKSYEN 1

Perspektif Keseluruhan Dasar Fiskal

Perspektif Keseluruhan

Persekitaran ekonomi global kekal terdedah dengan ketidaktentuan yang meruncing disebabkan oleh ketegangan geopolitik yang berlarutan mengakibatkan gangguan rantaian bekalan dan ketidakstabilan harga komoditi seterusnya meningkatkan kos pengeluaran serta tekanan inflasi. Selain itu, risiko berkaitan iklim yang semakin tinggi terus memberikan tekanan kepada keterjaminan makanan dan sumber pendapatan sekali gus memperkukuh keperluan untuk meningkatkan daya tahan dan dasar kesiapsiagaan. Sehubungan dengan itu, penggubal dasar global menekankan kepentingan mengekalkan kestabilan makroekonomi dan membina semula ruang fiskal di samping melaksanakan pembaharuan struktur serta memperkukuh keupayaan institusi bagi mendepani persekitaran global yang sentiasa berubah.[1]

Kemajuan dalam pelaksanaan pembaharuan struktural sejak beberapa tahun kebelakangan ini disokong oleh asas ekonomi yang teguh telah memperkukuh kedudukan Malaysia untuk melangkah ke tahun 2026 susulan prestasi ekonomi pada 2025 yang lebih baik daripada jangkaan. Walau bagaimanapun, konflik di Asia Barat yang berpanjangan telah menguji keupayaan daya tahan negara sekali gus mendorong Kerajaan mempergiat usaha tindak balas bersepadu melalui Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN). Pelaksanaan langkah bersasar turut memperkukuh keupayaan ekonomi dalam menghadapi kesan konflik global bagi menjamin bekalan tenaga, memelihara kesejahteraan rakyat dan menyokong perniagaan khususnya industri yang mudah terjejas serta PMKS. Sehubungan dengan itu, Malaysia mengekalkan momentum pertumbuhan pada separuh pertama 2026 dipacu oleh permintaan dalam dan luar negeri yang berdaya tahan serta aktiviti pelaburan yang mampan.

Kerajaan kekal komited untuk memperkukuh daya tahan fiskal melalui pelbagai pembaharuan dasar sekali gus memastikan keupayaan untuk bertindak balas terhadap cabaran mendatang. Pendekatan ini membolehkan Malaysia terus menyokong pelaburan produktif dan memperkukuh potensi ekonomi di samping melindungi kesejahteraan rakyat selaras dengan kerangka Ekonomi MADANI. Pelaksanaan inisiatif pembaharuan telah menghasilkan konsolidasi fiskal yang berterusan dengan defisit fiskal dicatat lebih rendah daripada sasaran belanjawan bagi dua tahun berturutan mencerminkan pengurusan makro-fiskal yang berhemat. Berteraskan kemajuan ini, Kerajaan kekal komited untuk meneruskan konsolidasi fiskal selari dengan objektif yang digariskan di bawah Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal 2023 [Akta 850].

Konsolidasi ke Arah Daya Tahan – Membina Ruang Fiskal untuk Kepentingan Masa Hadapan

Kemajuan dalam memperkukuh kewangan awam telah menyediakan ruang fiskal yang lebih besar kepada Kerajaan untuk menggembleng sumber secara berkesan dalam menangani kejutan luaran. Pelaksanaan pembaharuan hasil telah menjana tambahan

[1] Pandangan penggubal dasar global dan pegawai kanan ekonomi sebagaimana dinyatakan dalam World Economic Outlook Update, Julai 2026 oleh IMF dan Global Economic Prospects, Jun 2026 oleh World Bank.

kutipan cukai di samping meluaskan dan mempelbagaikan asas hasil. Pada masa yang sama, penyusunan semula keutamaan perbelanjaan khususnya melalui subsidi bersasar secara menyeluruh telah membendung kos subsidi bahan api sekali gus menyediakan keupayaan yang lebih besar untuk meneruskan pemberian bantuan sosial secara bersasar. Pendekatan ini dapat memperkukuh tindakan segera tanpa menjejaskan daya tahan fiskal dalam jangka sederhana.

Usaha memperkasakan kutipan hasil terus ditambah baik seiring dengan pelaksanaan pelbagai pembaharuan hasil secara berperingkat. Kerangka Insentif Baharu (NIF) telah dikuat kuasa secara berperingkat mengikut sektor mulai Mac 2026. Kerangka ini bertujuan memperkemas pendekatan berasaskan keberhasilan sedia ada dalam pemberian insentif pelaburan dengan kriteria kelayakan yang lebih jelas serta penekanan yang lebih besar terhadap pelaburan berimpak tinggi, pengukuhan rantaian domestik dan pemindahan teknologi. Sementara itu, pelaksanaan e-Invois telah memperkukuh pematuhan cukai serta meningkatkan keupayaan Kerajaan untuk mengenal pasti pendapatan terkurang lapor dan ketirisan. Kesan pelaksanaan penuh peluasan skop Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (SST) juga dijangka meningkatkan kutipan hasil pada 2026.

Dari sudut perbelanjaan, pemantauan program dan penilaian projek yang lebih rapi akan menggalakkan perbelanjaan yang lebih berhemat di samping memastikan sumber disalurkan kepada keutamaan yang berimpak tinggi. Sementara itu, pengurusan subsidi berasaskan teknologi melalui inisiatif BUDI MADANI telah meningkatkan keupayaan untuk mengesan penyalahgunaan, pembaziran dan ketirisan serta menyediakan mekanisme pemberian subsidi yang lebih bersasar dan cekap. Susulan penggubalan Akta Perolehan Kerajaan 2026 [Akta 882], Kerajaan akan memperkukuh proses perolehan berteraskan prinsip ketelusan, persaingan yang adil, integriti, akauntabiliti dan nilai untuk wang.

Selain itu, pembaharuan tersebut akan disokong oleh penerimagunaan digitalisasi dan kecerdasan buatan yang lebih meluas bagi meningkatkan keupayaan sektor awam, menambah baik penyampaian perkhidmatan serta memastikan sumber fiskal memberikan manfaat nyata kepada rakyat.

Pengukuhan daya tahan fiskal turut disokong oleh pembaharuan institusi bagi meningkatkan tabungan dan mewujudkan ruang fiskal yang lebih luas dalam jangka masa sederhana. Pembentangan Rang Undang-Undang Kumpulan Wang Amanah Negara (KWAN) 2026 pada Julai yang merupakan kajian semula menyeluruh pertama sejak ditubuhkan pada 1988 mencerminkan usaha penting ke arah memperkukuh rangka kerja simpanan antara generasi dengan peraturan yang lebih jelas berkaitan caruman, pengeluaran, pelaburan dan pengawalseliaan. Rangka kerja yang diperkemas ini akan menyediakan mekanisme yang lebih berdisiplin untuk memelihara sebahagian kekayaan negara daripada sumber tidak boleh diperbaharui di samping memperkasakan tadbir urus dan akauntabiliti.

Konsolidasi fiskal akan terus dilaksanakan di samping memastikan Kerajaan mengekalkan kemampuan untuk melabur dalam sektor ekonomi utama dan memperluas keupayaan produktif pada masa hadapan. Pelaburan awam akan terus ditumpukan kepada projek yang memperkukuh kesalinghubungan serta meningkatkan produktiviti dan daya saing ekonomi dalam jangka masa panjang. Pendekatan kerjasama awam swasta (PPP) dan model berasaskan bayaran oleh pengguna membolehkan Kerajaan memanfaatkan sumber pembiayaan alternatif serta mengoptimumkan sumber awam. Selain itu, Program Pengaktifan dan Reformasi Syarikat Berkaitan Kerajaan (GEAR-uP) terus menggembleng modal institusi domestik bagi membiayai pelaburan dalam sektor strategik dengan pelaburan langsung domestik sebanyak RM20.3 bilion disalurkan pada 2025 ditumpukan kepada sektor semikonduktor, infrastruktur digital dan logistik, tenaga, penjagaan kesihatan serta keterjaminan makanan.

Selaras dengan pematuhan berterusan terhadap Akta 850, keseluruhan pembaharuan ini akan memperkukuh keupayaan Kerajaan dalam mengurus kewangan awam dan risiko fiskal, mengekalkan kemampanan hutang serta memelihara ruang dasar bagi keutamaan masa hadapan. Pengurusan hutang dan pembiayaan yang berhemat akan terus menyokong pinjaman yang teratur serta mengekalkan akses kepada pembiayaan pada kos yang kompetitif. Kejayaan penerbitan Sukuk Global bernilai USD1.5 bilion pada Julai 2026 mencatat lebihan langganan sebanyak 4.7 kali dan mencapai spread paling rendah pernah direkodkan Malaysia menunjukkan keupayaan Kerajaan mengakses pasaran antarabangsa pada kos pembiayaan yang terendah sekali gus mencerminkan keyakinan pelabur terhadap agenda pembaharuan fiskal dan ekonomi.

Pencapaian Malaysia dalam melaksanakan pembaharuan fiskal dan struktural terus mendapat pengiktirafan pada peringkat global. Penarafan berdaulat kekal stabil dengan Moody's Investors Service dan S&P Global Ratings mengekalkan penarafan A3 dan A- dengan prospek stabil mencerminkan asas ekonomi negara yang berdaya tahan, kemajuan berterusan dalam konsolidasi fiskal serta keutuhan rangka kerja dasar dan institusi. Kedudukan daya saing Malaysia turut meningkat ketara apabila negara melonjak ke tangga 15 dalam IMD World Competitiveness Ranking 2026 iaitu peningkatan keseluruhan sebanyak 19 anak tangga dalam tempoh berkenaan.

Kedudukan Fiskal 2026

Belanjawan 2026 dibentang berdasarkan unjuran pertumbuhan KDNK antara 4% hingga 4.5% dan andaian harga minyak mentah pada paras USD60 hingga USD65 setong dengan defisit fiskal disasarkan pada 3.5% daripada KDNK. Anggaran tersebut mengambil kira kesan penuh yang dijangka daripada rasionalisasi subsidi dan langkah meningkatkan hasil. Walau bagaimanapun, konflik di Asia Barat yang kian memuncak dan gangguan rantaian bekalan yang berlarutan telah mengakibatkan tekanan ketara terhadap perdagangan dan ekonomi global sekali gus memberikan kesan kepada kos sara hidup dan sumber fiskal.

Tindak balas segera secara bersepadu melalui pendekatan seluruh Kerajaan dilaksanakan bagi menjamin bekalan tenaga dan barangan keperluan, membendung tekanan kos serta memperkukuh daya tahan ekonomi. Langkah utama termasuk meneruskan subsidi bahan api bersasar serta pelarasan sementara terhadap kuota dan kawalan bahan api bagi mengurus permintaan dan membendung ketirisan. Selain itu, lebih RM15 bilion sokongan pembiayaan disediakan kepada PMKS pada 2026 termasuk RM5 bilion melalui Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan Berhad (SJPP), RM5 bilion di bawah Kemudahan Bantuan Kestabilan PKS Bank Negara Malaysia (BNM) serta pembiayaan mikro berjumlah lebih RM5 bilion yang disalurkan melalui pelbagai agensi dan institusi kewangan pembangunan. Langkah tambahan turut diperkenalkan dalam operasi sektor awam termasuk aturan bekerja dari rumah secara fleksibel, pengurangan penganjuran upacara rasmi, majlis dan persidangan serta sekatan terhadap perjalanan dan latihan ke luar negara yang tidak mendesak.

Usaha tersebut turut disokong melalui penyusunan semula keutamaan perbelanjaan bagi membendung implikasi fiskal akibat kenaikan harga minyak mentah global yang menyebabkan perbelanjaan subsidi bahan api meningkat kepada RM40 bilion. Susulan itu, kuota bulanan BUDI95 dikurangkan sementara kepada 200 liter sebulan pada April 2026 manakala pelaksanaan BUDI Diesel diseragamkan di seluruh negara. Walau bagaimanapun, langkah berteraskan rakyat khususnya Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan Sumbangan Asas Rahmah (SARA) terus dikekalkan bagi mengurangkan tekanan kos sara hidup. Di samping itu, bantuan bil elektrik diperluas dengan pengecualian diberikan bagi penggunaan sehingga 800 kWj sebulan sehingga akhir 2026 bagi meringankan beban

JADUAL 1.1. *Kedudukan Kewangan Kerajaan Persekutuan, 2025 – 2027*

	RM JUTA			PERUBAHAN (%)			BAHAGIAN DARIPADA KDNK (%)		
	2025	2026[2]	2027[3]	2025	2026[2]	2027[3]	2025	2026[2]	2027[3]
Hasil	336,069	363,640	380,817	*3.5*	*8.2*	*4.7*	*16.6*	*16.6*	*16.4*
Perbelanjaan mengurus	330,776	363,055	376,840	*2.9*	*9.8*	*3.8*	*16.3*	*16.6*	*16.2*
Baki semasa	**5,293**	**585**	**3,977**				***0.3***	***0.0***	***0.2***
Perbelanjaan pembangunan kasar	81,921	81,000	83,000	*-2.5*	*-1.1*	*2.5*	*4.0*	*3.7*	*3.6*
Tolak: Terimaan balik pinjaman	1,339	1,900	1,500	*-22.9*	*41.9*	*-21.1*			
Perbelanjaan pembangunan bersih	80,582	79,100	81,500	*-2.1*	*-1.8*	*3.0*	*4.0*	*3.6*	*3.5*
Baki keseluruhan	**-75,289**	**-78,515**	**-77,523**				***-3.7***	***-3.6***	***-3.3***
Baki primer[1]	**-21,578**	**-21,215**	**-16,510**				***-1.1***	***-1.0***	***-0.7***

[1] Tidak termasuk bayaran khidmat hutang
[2] Anggaran disemak
[3] Anggaran belanjawan tidak termasuk langkah Belanjawan 2027

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

isi rumah disebabkan oleh peningkatan kos tenaga. Kuota bulanan BUDI95 dinaikkan semula kepada 300 liter berikutan kestabilan bekalan tenaga domestik berkuat kuasa pada 1 September 2026.

Kerajaan turut melaksanakan langkah penyusunan semula komitmen perbelanjaan termasuk memperkemas kawalan perbelanjaan terhadap perkhidmatan dan bekalan serta merasionalisasikan pemberian geran dan pindahan kepada badan berkanun dan agensi yang mempunyai keupayaan menjana hasil serta rizab yang mencukupi. Pelbagai langkah pengoptimuman dan penetapan semula keutamaan perbelanjaan dianggar menghasilkan penjimatan sebanyak RM5 bilion. Sehubungan dengan itu, perbelanjaan mengurus (OE) diunjur meningkat 7.3% kepada RM363.1 bilion pada 2026 berbanding anggaran belanjawan. Perbelanjaan pembangunan (DE) pula dijangka kekal berjumlah RM81 bilion dengan keutamaan peruntukan diberikan kepada projek berpaksikan rakyat yang mempunyai kesan pengganda tinggi dan tempoh pelaksanaan lebih singkat.

Peningkatan perbelanjaan dijangka sebahagiannya diimbangi oleh prestasi hasil yang lebih baik berikutan pelaksanaan pembaharuan hasil pada beberapa tahun sebelumnya. Kesan penuh peluasan skop SST dan pelaksanaan e-Invois secara berperingkat dijangka meningkatkan kutipan melalui peluasan asas cukai dan penambahbaikan pematuhan. Selain itu, anggaran dividen PETRONAS dinaikkan daripada RM20 bilion kepada RM27 bilion mengambil kira peningkatan purata harga minyak mentah dunia. Langkah tersebut mewujudkan penampan fiskal yang penting bagi menampung tekanan tambahan perbelanjaan dengan hasil Kerajaan Persekutuan dianggarkan meningkat 6% kepada RM363.6 bilion pada 2026 berbanding anggaran asal.

Defisit fiskal Kerajaan Persekutuan bagi 2026 disemak kepada 3.6% daripada KDNK berbanding sasaran asal 3.5% setelah mengambil kira implikasi fiskal berikutan kejutan luaran serta langkah yang dilaksanakan untuk mengurangkan kesan tersebut. Pelarasan ini mencerminkan tindak balas Kerajaan yang

teratur dan bersasar dalam mendepani tekanan luaran manakala prestasi hasil yang lebih baik serta penyusunan semula keutamaan perbelanjaan telah membantu mengehadkan kesan terhadap kedudukan fiskal keseluruhan. Walaupun berdepan persekitaran fiskal global yang mencabar, namun Kerajaan terus komited untuk memperkasakan disiplin fiskal dan memastikan konsolidasi jangka sederhana terus berada pada landasan yang ditetapkan. Keperluan pinjaman akan terus diurus secara berhemat selaras dengan keperluan pembiayaan bagi menyokong daya tahan fiskal serta mengekalkan ruang dasar dalam jangka masa sederhana.

Tinjauan 2027

Ekonomi Malaysia dijangka mengekalkan trajektori pertumbuhan menggalakkan pada 2027 dipacu oleh permintaan domestik yang kukuh, aktiviti pelaburan yang berterusan serta peningkatan momentum dalam sektor utama khususnya berkaitan teknologi. Pada masa yang sama, pembaharuan yang dilaksanakan sejak beberapa tahun kebelakangan ini akan terus menjadi pemangkin untuk mengekalkan konsolidasi sekali gus meningkatkan keupayaan bagi merancakkan aktiviti ekonomi dan melindungi kesejahteraan rakyat. Dalam persekitaran global yang mencabar dan harga minyak mentah yang tinggi, pendirian fiskal akan sentiasa menyokong pertumbuhan di samping mengekalkan komitmen Kerajaan terhadap konsolidasi fiskal.

Hasil Kerajaan Persekutuan dianggar meningkat sebanyak 4.7% kepada RM380.8 bilion dengan kutipan cukai langsung dan tidak langsung mendapat manfaat daripada aktiviti ekonomi yang berterusan serta pematuhan yang lebih kukuh. Pelaksanaan e-Invois secara berperingkat akan terus menyumbang kepada kutipan hasil berikutan peningkatan pendaftaran pembayar cukai serta pengukuhan pematuhan dan penguatkuasaan cukai. Peralihan kepada Sistem Taksir Sendiri Duti Setem mulai 1 Januari 2027 turut melengkapkan langkah berkenaan. Sementara itu, hasil berkaitan petroleum termasuk dividen kekal signifikan berikutan harga minyak mentah global yang tinggi. Tumpuan akan terus diberikan untuk memaksimumkan keberkesanan langkah hasil sedia ada dan memperkemas pelaksanaan sekali gus dapat mewujudkan ekosistem percukaian yang lebih jelas dan stabil, menggalakkan persekitaran perniagaan yang kondusif serta meningkatkan daya saing negara.

Dari aspek perbelanjaan, sumber fiskal akan terus diperuntukkan secara berhemat dan diutamakan kepada program yang memberikan pulangan ekonomi dan sosial yang tinggi. Jumlah OE dianggar sebanyak RM376.8 bilion pada 2027 iaitu meningkat 3.8% berbanding anggaran disemak pada 2026 dengan perbelanjaan ditumpukan kepada perkhidmatan awam asas serta sokongan bersasar kepada rakyat termasuk bantuan sosial dan subsidi. Sementara itu, peruntukan DE meningkat kepada RM83 bilion dengan sumber disalurkan kepada program dan projek di bawah Rancangan Malaysia Ketiga Belas, 2026 – 2030 (RMK13) khususnya dalam infrastruktur, pembangunan modal insan dan projek berdaya tahan terhadap perubahan iklim yang berpotensi menghasilkan kesan pengganda tinggi. Pelaksanaan Akta 882 akan terus memperkukuh ketelusan, persaingan yang terbuka dan nilai untuk wang dalam perolehan kerajaan sekali gus menyokong penggunaan sumber awam yang lebih cekap.

Selaras dengan konsolidasi fiskal jangka sederhana di bawah Akta 850, defisit fiskal diunjur berkurang kepada 3.3% daripada KDNK pada 2027. Pelaksanaan konsolidasi akan terus disesuaikan dengan keadaan ekonomi semasa dengan pelarasan fiskal berlandaskan peningkatan hasil yang mampan dan kecekapan perbelanjaan. Sehubungan dengan itu, keperluan pinjaman akan terus dikawal sekali gus menyokong profil pembiayaan yang lebih mampan dan memperkukuh trajektori hutang dalam jangka sederhana. Peningkatan penyertaan sektor swasta melalui pendekatan

PPP dan pelaburan bersama akan melengkapi pembiayaan awam bagi infrastruktur serta menggalakkan pelaburan dalam bidang yang mempunyai kesan limpahan ekonomi yang tinggi dan potensi pertumbuhan jangka masa panjang. Inisiatif GEAR-uP akan membantu usaha sedia ada dalam menggalakkan pelaburan ke arah sektor strategik selaras dengan agenda pembangunan negara.

Belanjawan 2027 akan terus mempergiat agenda pembaharuan dan pembangunan di samping mengekalkan trajektori konsolidasi fiskal yang teratur. Walau bagaimanapun, prospek ekonomi kekal dipengaruhi oleh risiko peningkatan dan penurunan. Dari sudut risiko peningkatan, permintaan domestik yang lebih kukuh, aktiviti pelaburan yang berterusan serta pelaksanaan pembaharuan struktural yang lebih pantas dijangka menyokong pertumbuhan dan prestasi hasil yang lebih baik. Namun demikian, peningkatan ketegangan geopolitik, ketidakpastian dasar perdagangan yang berpanjangan serta turun naik pasaran komoditi dan kewangan boleh mengekang pertumbuhan, memberikan tekanan terhadap kedudukan fiskal dan menjejaskan kuasa beli isi rumah. Justeru, Kerajaan kekal berwaspada dan bersedia dalam menangani perubahan keadaan dengan dasar fiskal disesuaikan bagi mengekalkan kestabilan makroekonomi, melindungi kesejahteraan rakyat, mempertingkatkan daya tahan fiskal serta memastikan ruang dasar dalam jangka masa sederhana.

Rangka Kerja Fiskal Jangka Sederhana 2027 – 2029

Rangka Kerja Fiskal Jangka Sederhana (MTFF) 2027 – 2029 menjadi asas kepada pengagihan sumber awam di samping mengekalkan perbelanjaan yang berhemat serta memperkukuh keupayaan Kerajaan dalam menangani risiko fiskal yang baharu. Selaras dengan objektif fiskal di bawah Akta 850, MTFF menggariskan trajektori konsolidasi yang berperingkat dan teratur berasaskan unjuran pertumbuhan KDNK benar purata sebanyak 5%, harga minyak mentah purata USD78 setong serta pengeluaran minyak mentah sekitar 500,000 tong sehari. Bagi tempoh 2027 – 2029, jumlah hasil Kerajaan Persekutuan diunjur sebanyak RM1,164.4 bilion atau 15.7% daripada KDNK dengan hasil bukan petroleum kekal sebagai penyumbang utama hasil.

Jumlah OE diunjur sebanyak RM1,148.3 bilion atau 15.5% daripada KDNK manakala DE dijangka berjumlah RM253 bilion atau 3.4% daripada KDNK dengan peruntukan pembangunan terus disalurkan kepada keutamaan strategik di bawah RMK13. Secara keseluruhan, defisit fiskal tahunan bagi tempoh tersebut diunjur berkurang selaras dengan sasaran konsolidasi jangka sederhana

JADUAL 1.2. *Rangka Kerja Fiskal Jangka Sederhana (MTFF), 2027 – 2029*

	RM BILION	BAHAGIAN DARIPADA KDNK (%)
Hasil	1,164.4	*15.7*
Bukan petroleum	997.9	*13.4*
Berkaitan petroleum	166.5	*2.3*
Perbelanjaan mengurus	1,148.3	*15.5*
Baki semasa	**16.1**	***0.2***
Perbelanjaan pembangunan kasar	253.0	*3.4*
Tolak: terimaan balik pinjaman	4.5	*0.1*
Perbelanjaan pembangunan bersih	248.5	*3.3*
Baki keseluruhan	**-232.4**	***-3.1***
Baki primer	**-39.2**	***-0.5***
Andaian asas:		
Purata pertumbuhan KDNK benar (%)	5.0	
Purata pertumbuhan KDNK nominal (%)	6.5	
Purata harga minyak mentah (USD/tong)	78	
Pengeluaran minyak mentah (tong/hari)	~500,000	


Nota: Anggaran MTFF tidak termasuk langkah Belanjawan 2027
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

sebanyak 3% daripada KDNK. Unjuran tersebut berasaskan andaian bahawa usaha meningkatkan kutipan hasil, mengoptimumkan perbelanjaan serta memastikan penggunaan sumber awam yang lebih berkesan akan diteruskan. Penglibatan sektor swasta yang lebih meluas melalui kaedah pembiayaan dan perkongsian pelaburan yang bersesuaian akan melengkapi perbelanjaan awam serta menyokong pembangunan negara.


Kesimpulan

Kejayaan dalam pelaksanaan pembaharuan fiskal khususnya langkah meningkatkan kutipan hasil dan menambah baik pelaksanaan subsidi bersasar dalam mendepani cabaran ekonomi global mencerminkan komitmen Kerajaan untuk memperkukuh kedudukan kewangan awam. Langkah tersebut telah membuahkan hasil terutamanya bagi mewujudkan penampan fiskal yang mencukupi untuk menangani kesan kejutan luaran. Ruang fiskal yang diperoleh melalui pembaharuan tersebut telah meningkatkan keupayaan Kerajaan untuk meneruskan pemberian bantuan sosial secara bersasar. Usaha proaktif membendung pertumbuhan hutang Kerajaan Persekutuan akan memastikan generasi akan datang menikmati asas ekonomi yang lebih kukuh tanpa menanggung beban hutang yang berlebihan. Selain itu, usaha penggubalan perundangan berkaitan entiti milik kerajaan akan memperkukuh tadbir urus dan pengawasan sekali gus menyokong usaha membendung risiko fiskal yang berpunca daripada operasi dan komitmen kewangan. Melangkah ke hadapan, pendirian dasar akan terus memberikan tumpuan kepada penyaluran sumber awam secara strategik ke arah pelaburan produktif demi meningkatkan potensi ekonomi negara jangka masa panjang di samping kekal bersedia memenuhi keperluan segera rakyat.


RAJAH 1.1. *Baki Keseluruhan dan Primer Kerajaan Persekutuan*



RAJAH 1.2. *Hasil, Perbelanjaan Mengurus dan Baki Semasa Kerajaan Persekutuan*



RAJAH 1.3. *Baki Keseluruhan MTFF Kerajaan Persekutuan*



[1] Anggaran disemak
[2] Anggaran belanjawan tidak termasuk langkah Belanjawan 2027
[3] Unjuran

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia